

MANILA, 15 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI MENGECEM KESATUAN-KESATUAN SEKERJA NEGARA-NEGARA MAJU KERANA MENGKHIANATI USAHA-USAHA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENYEDIAKAN IKLIM YANG MENDORONG MEWUJUDKAN PELUANG PEKERJAAN UNTUK RAKYAT MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MEMBUAT KECAMAN ITU SEMASA BERUCAP KEPADA PARA PERWAKILAN DARI 159 NEGARA DI SESSI KELIMA PERSIDANGAN BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI PERDAGANGAN DAN PEMBANGUNAN (UNCTAD) DI SINI.

KATANYA, KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ITU BUKAN SAHAJA MEMAKSA KERAJAAN NEGARA MASING-MASING MENYEKAT IMPORT DARI NEGARA-NEGARA MISKIN TETAPI JUGA MEMPENGARUHI PARA PEKERJA NEGARA-NEGARA MISKIN MENGURANGKAN DAYA PENCELUARAN MEREKA.

KATANYA, +DISAMPING MEMAINKAN ISU MENDESAK KENAIKAN GAJI, MEREKA JUGA MENGAJAR PARA PEKERJA ITU TENTANG CARA MEMERAS UGUT NEGARA-NEGARA. + -- BERSAMBUNG 1337/AI

UNCTAD-MAHATHIR 2 MANILA

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENSIFATKAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA NEGARA-NEGARA MAJU SEBAGAI 'PENJAJAH-PENJAJAH BENTUK BARU. +

KATANYA, PERPADUAN DI KALANGAN PARA PEKERJA ITU HANYALAH SATU 'TOPENG' MELINDUNGI NIAT MEREKA YANG MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI UNTUK MENGUASAI EKONOMI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

KATANYA, MASANYA SUDAH SAMPAI BAGI UNCTAD MENYIASAT PERANAN PERSEKUTUAN-PERSEKUTUAN BURUH ANTARA BANGSA DALAM PADA IA MENYIASAT SEBAB-SEBAB MENGAPA PERDAGANGAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA-NEGARA MISKIN MASIH TIDAK SAMA RATA.

DR. MAHATHIR BERKATA KESATUAN SEKERJA NEGARA-NEGARA MAJU BERGERAK SECARA TERSUSUN DAN MENGUASAI PERSEKUTUAN BURUH ANTARABANGSA SUPAYA MEREKA DAPAT MENGEKSPORTKAN 'KERESAHAN PEKERJA' DAN MEMAKSA KOS MELAMBUNG NAIK DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN. -- BERSAMBUNG 1339/AI
UNCTAD - MAHATHIR 3 MANILA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, UNTUK MENCAPAI MATLAMAT MEREKA, KESATUAN-KESATUAN TIDAK LANGSUNG MENGHIRAUKAN UNDANG-UNDANG. MEMANDANGKAN KEROSAKAN YANG BOLEH DILAKUKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK BOLEH BERBUAT APA-APA.

+SETEGAH-SETENGAH KERAJAAN NEGARA MAJU PULA MENDAKWA MEREKA TIDAK BOLEH MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN KERANA KESATUAN TIDAK TER-TAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG.

+KITA HARUS INGAT SEMASA NEGARA-NEGARA MAJU ITU MASIH DALAM PERINGKAT MEMAJUKAN PERINDUSTRIAN SEPerti YANG DIALAMI OLEH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEKARANG, PARA PEKERJA MEREKA SEPerti 'KERBAU DICUCUK HIDUNG'.

+TETAPI BAGI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN, PERGOLAKAN PERINDUSTRIAN SENGAJA DIBUAT-BUAT DENGAN TUJUAN MELAMBAT-LAMBATKAN PROSES MEMAJUKAN PERUSAHAAN. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA MEMANG MENYOKONG KESATUAN-KESATUAN BURUH UNTUK MELINDUNGI HAK-HAK PEKERJA TETAPI KESATUAN BURUH DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BUKANLAH TEMPAT BAGI KESATUAN-KESATUAN SEKERJA NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MENJALANKAN KEGIATAN YANG MEROSAKKAN EKONOMI.

SELAIN JUGA MENGUTUK KESATUAN-KESATUAN SEKERJA YANG MENGANGGAP BUKAN CUKAI BAGI MENARIK PELABORAN KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEBAGAI SATU SABSIDI DAN DARI ITU TERTAKLUK KEPADA SEKATAN IMPORT. -- BERSAMBUNG 1447/YF

UNCTAD-MAHATHIR 4 MANILA

KATANYA, MEMBATALKAN SABSIDI DALAM BENTUK GALAKAN CUKAI INI BUKAN SAHAJA MENGHALANG PROSES PERINDUSTRIAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TETAPI JUGA MENAIKKAN KOS DI SELURUH DUNIA DAN INI TIDAK MEMBERI FAEDAH KEPADA KEDUA-DUA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN JUGA NEGARA MAJU.

BELIAU MENJELASKAN, NEGARA-NEGARA MAJU JUGA MEMBERI SABSIDI KEPADA INDUSTRI YANG MENGEKSPORT BARANG PEMBUATAN KE NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

MENYENTUH TENTANG PERLINDUNGAN DAGANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA LANGKAH ITU SEKARANG TELAH MELIPUTI BIDANG-BIDANG LAIN TERMASUK PENERBANGAN DAN PERKAPALAN.

MENGENAI PERKHIDMATAN PENERBANGAN INI, OLEH KERANA SETENGAH-SETENGAH NEGARA MEMBANGUN TELAH PUN MEMPELAJARI SELUK-BELUKNYA NEGARA-NEGARA MAJU SEKALI LAGI BERSEPAKAT DAN MEMBUAT PERATURAN-PERATURAN BARU YANG LEBIH KETAT.

PERANAN PERSATUAN PENERBANGAN ANTARABANGSA, IATA, SEBAGAI JENTERA PERUNDING, TELAH DIKETEPIKAN APABILA SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN UDARA YANG BESAR BERUNDING UNTUK MENDAPAT FAEDAH YANG LEBIH BESAR, KATANYA.

MENURUTNYA, WALAUPUN SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN DI NEGARA-NEGARA MISKIN BOLEH MENENAKAN TAMBANG MURAH, LANGKAH MEREKA DIHALANG OLEH IATA TETAPI SEKARANG UNTUK KEPENTINGAN NEGARA-NEGARA MAJU, MEREKA TELAH MEMBELAKANGKAN PERJANJIAN-PERJANJIAN ANTARABANGSA DAN KINI PULA MENENAKAN TAMBANG SEWENANG-WENANGNYA.

-MALAYSIA MENGUTUK TINDAKAN INI YANG MENGENEPIKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DARI PERUSAHAAN PENERBANGAN, + TEGASNYA.
— BERSAMBUNG 1435/SZ

UNCTAD - MAHATHIR 5 MANILA

MENGENAI PERKHIDMATAN PERKAPALAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, PERSIDANGAN PERKAPALAN YANG DIANJURKAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT PERKAPALAN DARI APA YANG DIPANGGIL NEGARA-NEGARA PERKAPALAN, TELAH MEMBOLOT HAMPIS SEMUA PERJALANAN PENTING.

AMALAN SEUMPAMA INI, TAMBAHNYA, TELAH MEMAKSA SYARIKAT-SYARIKAT PERKAPALAN DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MENYERTAI MEREKA ATAUPUN DITUTUP.

MENGENAI TABUNG BERSAMA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUMUMKAN SUMBANGAN KERAJAAN MALAYSIA SEDANYAK A\$51 JUTA KEPADA TABUNG ITU DENGAN TAMBAHAN A\$51 JUTA LAGI KEPADA CABANG KEDUA TABUNG, MENJADIKAN JUMLAH SUMBANGAN MALAYSIA KEPADA CABANG KEDUA INI A\$1,457,000.

SUMBANGAN MALAYSIA INI ADALAH YANG PERTAMA DARI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN KEPADA CABANG KEDUA TABUNG ITU. FILIPINA DIJANGKA MENGUMUMKAN SUMBANGANNYA MINGGU INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, MALAYSIA, SEBAGAI NEGARA UTAMA PENGELUAR GETAH, MENGALU-ALUKAN KEJAYAAN YANG DICAPAI DALAM RUNDINGAN MENGENAI PERJANJIAN MENSTABILKAN HARGA GETAH ANTARABANGSA.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERHARAP RUNDINGAN TENTANG BARANGAN YANG LAIN AKAN DIMULAKAN TIDAK LAMA LAGI.

KATANYA, MASALAH YANG BERKAITAN DENGAN PERDAGANGAN BARANGAN ADALAH BANYAK DAN KOMPLEKS. KESTABILAN HARGA DAN PASARAN YANG TERATUR SAHAJA TIDAK DAPAT MEMBERI PENDAPATAN MAKSIMA KEPADA NEGARA PENGELUAR. — BERSAMBUNG 1458/YF

UNCTAD - MAHATHIR @ MANILA

10

DARI ITU, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP UNCTAD AKAN MENGENCAJI SEGERA SOAL-SOAL SEPERTI PENGANGKUTAN, PEMBAHAGIAN, PROSESAN DAN SEBAGAINYA KERANA BIDANG-BIDANG INI ADALAH SEBAHAGIAN DARI KONSEP PERDAGANGAN YANG ADIL DAN SEIMBANG ANTARA NEGARA-NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA TELAH MEMBINCANGKAN DENGAN PANJANG LEBAR MASALAH KEMISKINAN, DAN MENYATAKAN 70 PERATUS DARIPADA PENDUDUK MISKIN DI DUNIA TINGGAL DI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

KATANYA, NEGARA-NEGARA PENGELUAR MINYAK MENDERITA SEBELUM TEMPOH 1973-74 KERANA HARGA BAHAN TERSEBUT KETIKA ITU TIDAK SEJAJAR DENGAN NILAINYA.

SEKARANG INI, NEGARA-NEGARA MEMBANGUN TIDAK PULA MAHU HIDUP DENGAN KEADAAN MINYAK YANG KURANG, MALAH MEREKA MENGURANGKAN DAYA PENGELUARAN DAN MENGHADKAN PERDAGANGAN.

+KETIKA MINYAK MURAH, NEGARA MISKIN TETAP MISKIN, DAN BILA MINYAK MAHAL, YANG MISKIN MENJADI LEBIH MISKIN, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN, KEMISKINAN AKAN TERUS TIDAK BAPAT DIATASI, YANG MANA AKAN MELAHIRKAN KEADAAN POLITIK YANG TIDAK STABIL, RAMPASAN KUASA DAN JUGA BERBAGAI MASALAH SOSIAL.

SELAIN MERAYU PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA YANG BERTANGGUNG-JAWAB MEMIKIRKAN LEBIH MENDALAM KESAN-KESAN KEMISKINAN INI. --
BERNAMA 1503/YF